

PROSIDING **SEMINAR** **KEBANGSAAN** **SAINS, TEKNOLOGI & SAINS SOSIAL**

27 ~ 28 MEI 2002

HOTEL VISTANA, KUANTAN, PAHANG

Anjuran :



Universiti Teknologi MARA
Cawangan Pahang

Dengan Kerjasama



Kerajaan
Negeri Pahang Darul Makmur

JILID 1



'PENEMUAN BARU' DALAM KONTEKS SAINS SOSIAL: KES KESUSASTERAAAN ISLAMI

ZULKARNAIN BIN MOHAMED

Jabatan Pengajian Arab & Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan
Malaysia, 43600 BANGI, Selangor.

ABSTRAK

Kertas kerja ini menyentuh persoalan penemuan baru yang begitu sukar ditakrifkan dalam bidang sains sosial khususnya mengenai disiplin yang dianggap sudah mempunyai paradigmanya yang tersendiri seperti pengajian Islam. Kertas kerja ini mensasarkan pentakrifan 'penemuan baru' yang diperlukan dalam penulisan ilmiah seperti kertas kerja, artikel, tesis dan seumpamanya. Ini tidak bermakna perkara 'penemuan baru' belum pernah dibincangkan sebelum ini. Ia memang dibincangkan tetapi usaha untuk memperinci atau mengklasifikasinya belum dilakukan sewajarnya. Kajian ini bertolak daripada beberapa perbincangan tentang konsep 'penemuan baru' oleh sarjana tempatan dan luar negara. Kertas kerja ini berdasarkan penemuan baru dalam konteks kesusasteraan Islami iaitu salah satu disiplin daripada rumpun disiplin besar Pengajian Islam. Tujuannya ialah untuk mencapai satu pentakrifan yang lebih objektif tentang konsep ini. Kesimpulannya, penemuan baru dalam disiplin pengajian yang sudah established sifatnya seperti Pengajian Islam bukanlah perkara yang mustahil.

Kata kunci: thesis, penemuan baru & pengajian Islam.

PENDAHULUAN:TRADISI PENULISAN ISLAM

Ibn Khaldun, seorang sejarawan Islam terkenal telah lama menitikberatkan persoalan *thesis* dan penemuan baru dalam bidang penulisan ilmiah seperti yang terdapat dalam kitabnya *Muqaddimah*. Dalam hal ini, beliau memberi komen tentang penulisan dan pembukuan sejarah yang dilakukan oleh sejarawan sebelum atau sezaman dengannya:

Sebenarnya ramai orang menulis sejarah, menghimpun sejarah pelbagai bangsa manusia dan negara di seluruh dunia. Mereka menulis, tetapi orang yang menulis dengan kelebihan kemasyhuran dan amanahnya dalam masa yang sama merujuk diwan-diwan (buku-buku) sebelum mereka dalam melakukan penulisan bilangan mereka sedikit sahaja. Boleh bilang dengan jari. Antara mereka ialah Ibn Ishaq, al-Tabari, Ibn al-Kalbi, Muhammad ibn Umar al-Waqidi, Sayf ibn Umar al-Asadi, al-Mas'udi dan lain-lain yang terkenal dalam masyarakat. Walaupun terdapat beberapa kelemahan dalam karya al-Mas'udi dan al-Waqidi...


Petikan pandangan Ibn Khaldun di atas boleh dianggap *thesis* kepada penulisannya manakala 'penemuan baru' karya di atas seperti yang akan dibincang dalam penulisan ini ialah hasil penulisan beliau yang dianggap terkini pada zamannya dan memenuhi tuntutan pembaca era tersebut.

Tradisi penulisan karya Islam seperti yang dilakukan oleh Ibn Khaldun dengan menyetengahkan *thesis* dan mengengahkan penemuan baru membuktikan bahawa teknik penulisan ilmiah yang dikaitkan dengan kecendekiawanan Barat bukan merupakan perkara yang baru. Ia telah dilakukan oleh ulama Islam yang silam dengan mengaitkan perbincangan dengan ulama sebelumnya sebagai titik pentakrifan *thesis* karya mereka. Perkara 'mengaitkan perbincangan dengan tulisan sebelum' ini seperti yang terdapat dalam tradisi penulisan Islam menjadi kekunci gaya penulisan ilmiah semasa yang berkait dengan *thesis* sebagai titik memulakan penulisan dan 'penemuan baru' hasil terakhir penulisan. Falsafah penting di sebalik *thesis* dan penemuan baru ialah untuk menjaga ketulenan atau kesahihan sesuatu ilmu pengetahuan diwarisi dan dikembangkan secara turun temurun. Di samping itu juga, ia bertujuan memasyarakatkan sesuatu perkara atau ilmu pengetahuan yang dianggap asing pada audien atau sebilangan masyarakat pembaca kemudian. Sebenarnya, tradisi penulisan yang dipraktikkan oleh ulama Islam keseluruhannya memenuhi falsafah ini. Dengan kata lain, segala ilmu Islam yang diwarisi dan dikembangkan dalam kelompok-kelompok masyarakat Islam selama ini diyakini benar dan difahami serta dapat dihayati oleh masyarakat Islam.

Oleh kerana ilmu pengetahuan Islam dikaji bukan sahaja oleh cendekiawan Islam tetapi juga oleh Barat yang mempunyai agenda orientalisme iaitu menafsirkan Islam mengikut fahaman sempit Barat, pelbagai

teori ilmu pengetahuan diaplikasikan terhadap ilmu pengetahuan Islam (Said:1995). Tanpa mengira matlamat asalnya, teori atau konsep *thesis* dan penemuan baru mempunyai kebaikan dan keburukannya terhadap jati diri ilmu pengetahuan Islam seperti yang akan disentuh kemudian. Sebenarnya, penemuan baru yang disentuh di atas menjadi aspek penting penulisan Islam tetapi ia kurang ditonjolkan atau dikaitkan dengan sumbangan Islam dalam teori penulisan ilmiah semasa. Masalahnya terletak pada identifikasi bukan terletak pada *essence*. Cendekiawan semasa gagal mengenal pasti konsep penemuan baru Islam ini. Shaharir Mohamad Zain (2001) mempersoalkan 'kelemahan' pengkarya Islam semasa yang kurang memperibumikan karyanya sesuai dengan tuntutan audien. 'Memperibumikan' satu karya bermakna memasyarakatkannya atau mengenal pasti *thesis* dan mengakhiri karya dengan sesuatu penemuan sesuai dengan tuntutan audien.

Penemuan baru dan memasyarakatkan atau memperibumikan sesuatu hasil karya menjadi persoalan penting dan kritikal bagi pengkaji ilmu pengetahuan Islam. Walau bagaimanapun, penemuan baru mengikut aliran penulisan konservatif tidak begitu penting tetapi ia diperlukan dalam aliran penulisan yang analitikal khususnya berhubung dengan perkembangan keilmuan semasa dan pengaruh faktor-faktor sampingan seperti ekonomi, sosial dan politik. Penulisan ini bertujuan mengenal pasti tempat dan fungsi penemuan baru dalam penulisan ilmiah Islam serta menyelesaikan pertikaian pendapat tentang keperluan tentang penemuan baru dalam disiplin Islam. Melihat dari sudut proses ilmiah seperti gambar rajah di bawah, penemuan baru boleh dianggap sebagai *end product* sesuatu hasil penulisan.



Oleh yang demikian, perkara-perkara yang akan dibincangkan di bawah ini diharapkan dapat menyelesaikan persoalan di atas. Pertama ialah 'Memasyarakatkan penemuan baru' sebagai titik tolak perbincangan sebelum menyentuh 'Penemuan baru; satu dilema dalam pengajian Islam', 'Dilema penulisan ilmiah Islam semasa' dan 'Penemuan baru dalam disiplin pengajian Islam dan memasyarakatkannya'


MEMASYARAKATKAN PENEMUAN BARU

Persoalan penting dalam penulisan ilmiah Islam ialah memahamkan masyarakat pembaca tentang isi dan mesej penulisan kerana terdapat *gap* atau penghalang yang besar antara disiplin dalam pengajian Islam dengan bukan pengajian Islam, iaitu dari sudut rujukan asas yang berbahasa Arab. Di samping itu, terdapat rujukan asasi yang digunakan secara dominan dalam kesemua disiplin Islam dan rujukan asasi ini berbentuk al-Quran dan hadis serta pandangan ulama. Dalam penulisan ilmiah dalam disiplin bukan pengajian Islam, rujukan Islami bukan perkara yang mutlak digunakan. Sebaliknya, rujukan semasa yang dibincang oleh pengkaji Barat dan tempatan boleh digunakan dalam disiplin bukan Islami. Ini bukan bermakna rujukan yang bukan Islami tidak digunakan dalam disiplin Islam. Ia digunakan tetapi bukan sebagai rujukan yang asasi yang boleh mencorak arah atau gagasan idea seseorang penulis. Dengan bahasa yang mudah, penulisan Islam terikat dengan teori dan pandangan ulama terdahulu sehingga menyebabkan proses 'memasyarakatkan' sesuatu karya begitu sukar untuk dilakukan. Persoalan syariat dan akidah menguasai setiap penulisan Islam menyebabkan keterbatasan ekspresi dan perluasan paradigma perbincangan yang merupakan perkara penting dalam memperibumi atau memasyarakatkan sesuatu karya Islam.

Memasyarakatkan sesuatu hasil penulisan ialah menyampaikan mesej ilmu yang dikaji kepada sesuatu masyarakat pembaca secara lebih berkesan dengan menggunakan bahasa dan metod penulisan yang difahami. Proses menggunakan bahasa dan metod penulisan yang dimaksudkan di sini ialah 'meletakkan' satu karya dalam disiplin yang paling hampir dengan pembaca, teori-teori perbincangan terkini dan penggunaan bahasa atau istilah yang tersebar luas dalam keintelektualan semasa. Penyampaian sesuatu

mesej kajian sastera seperti puisi dengan menggunakan sesuatu teknik kajian bahasa sumber mungkin tidak dapat dihayati oleh pembaca. Ini kerana pembaca tidak biasa dengan teknik kajian dan istilah bahasa sumber (bukan bahasa audien). Sungguhpun teknik dan istilah bahasa sumber diberikan pentafsiran, ia tetap tidak memberikan kepuasan kepada pembaca. Oleh itu, sesuatu padanan bahasa dan teknik kajian perlu dilakukan. Memasyarakatkan kajian di sini boleh disamakan dengan proses terjemahan yang melibatkan perubahan gaya bahasa atau ekspresi. Untuk menjadikan sesuatu terjemahan itu berjaya dihayati oleh pembaca sasaran, terjemahan budaya dan bahasa perlu dilakukan.

Perpindahan ilmu



Walau bagaimanapun, dalam memasyarakatkan kesusasteraan Arab seperti puisi, seseorang pengkaji berdepan dengan beberapa masalah yang merangkumi perbezaan ketara dari sudut nilai estetika puisi Arab yang agak berbeza dengan nilai estetika puisi semasa, iaitu puisi Melayu dan Inggeris. Keadaan ini berlaku terutama sekali ketika berurusan dengan puisi Arab klasik dan neo-klasik yang tidak terpengaruh langsung dengan nilai-nilai estetika Barat. Namun begitu, kajian sastera Arab seumpama ini perlu mempertahankan falsafah utama sesuatu penulisan iaitu memasyarakatkan sesuatu karya atau memahamkannya kepada audien. Pengkaji tersebut perlu menggunakan teori-teori kajian puisi dan istilah-istilah ilmiah puisi yang biasa digunakan dalam penulisan atau kajian sastera semasa sebelum membawa pembaca lebih jauh menghayati kandungan kesusasteraan Arab tersebut. Umpamanya, Stetkevych (1993) telah memperibumikan kritikan sasteranya tentang puisi Arab dengan mengaitkan nilai-nilai puisi Barat, menyebabkan ia mudah difahami oleh audien.

Mengapa persoalan memasyarakatkan sesuatu hasil penulisan merupakan teknik penulisan atau kajian yang penting ialah, selain dapat memahamkannya kepada pembaca, ia tidak menunjukkan sesuatu 'lompatan' dalam bidang kajian. Yang dimaksudkan dengan lompatan di sini ialah tidak memperkenalkan tulisan kepada audien satu demi satu seperti yang sewajarnya. Dengan perkataan tidak terdapat mula yang jelas. Perkara ini penting dalam bidang penulisan lantaran objektif utama *thesis* bertujuan menggambarkan suatu titik permulaan penulisan yang jelas dalam paradigma kajian sesuatu perkara. Seperti pernyataan *thesis* dalam sesuatu penulisan, memasyarakatkan karya dapat membuktikan penulis prihatin terhadap perkembangan disiplin semasa. Akhirnya, kemungkinan berlaku ciplak dapat dikurangkan kerana penulis berjaya mengenal pasti perkembangan penulisan mengenai sesuatu perkara yang dikaji.

Perbincangan di atas menunjukkan bahawa perkembangan sesuatu disiplin mendesak sesuatu disiplin lain dinilai atau diapresiasi berdasarkan disiplin yang berpengaruh. Di suatu aspek lain, terdapat beberapa faktor lain yang mendesak sesuatu kajian dinilai, dihayati dan diterjemahkan mengikut acuan tertentu. Faktor-faktor tersebut boleh dikaitkan dengan perkembangan atau perubahan sosio-budaya, sosio-ekonomi dan sosio-politik (Shaharir, 2001). Dalam disiplin pengajian Islam, faktor-faktor ini mempunyai kadar perkaitan secara langsung dengan sub-sub disiplin fekah dan ekonomi Islam. Seperti yang dinyatakan sebelum ini, mengenai perkembangan disiplin fekah dan ekonomi Islam perbincangan ulama terdahulu telah mencapai satu tahap perumusan teori, falsafah dan aplikasi. Namun begitu, perkembangan faktor-faktor di atas mendesak pentafsiran yang baru diberikan terhadap persoalan-persoalan yang berkait langsung dengan fekah dan ekonomi Islam seperti persoalan perbankan, insurans dan sebagainya. Penterjemahan teori kepada amalan ini seperti tradisi tamadun Islam mengambil kira *thabat* dan *murunah*. Kesimpulannya, memasyarakat atau memperibumikan sesuatu karya ialah suatu teknik penyampaian mesej ilmu yang berkesan dan ia mengambil kira faktor luaran disiplin seperti dibincangkan di atas.

PENEMUAN BARU; SATU DILEMA DALAM PENGAJIAN ISLAM

Kenapa proses memasyarakatkan karya ilmiah Islam dan menghasilkan penemuan baru kurang dipraktiskan ialah berkait dengan jati diri pengajian Islam yang dianggap sudah *established* sifatnya apabila ia dikaitkan dengan falsafah 'pintu *ijtihad* telah tertutup'. Di sebalik falsafah 'pintu *ijtihad* telah tertutup', terkandung mesej permindahan atau pewarisan ilmu pengetahuan Islam yang sahih. Ia tidak bermakna sesuatu disiplin Islam tidak boleh dikembangkan, sebaliknya ia perlu dimajukan berasaskan kebenaran teori dan hujah atau


dalil yang telah dikaji oleh generasi ulama Islam terdahulu. Lantaran itu, *thesis* dan ‘penemuan baru’ seseorang pengkarya Islam ialah mempertahankan keutuhan ilmu pengetahuan Islam tersebut dan mentafsirkannya mengikut keperluan dan peredaran semasa atau mengikut istilah Shahrir Mohamad Zin (2001) ‘memperibumikan’ sesuatu hasil karya. Walau bagaimanapun, ‘memperibumikan’ karya ilmiah seperti yang diutarakan oleh Sharir mungkin dianggap sebagai agresif dan tidak menyeluruh kerana tidak mengambil kira sub-sub disiplin Islam yang ‘statik’, iaitu yang tidak boleh diperibumikan seperti pandangan beliau seperti akidah, sejarah dan kesusasteraan.

Disiplin pengajian Islam tidak seperti disiplin sosial yang lain – jika kita menganggap bahawa disiplin sosial yang lain sebagai entiti yang berbeza dengan pengajian Islam – yang tidak terikat dengan roh Islam. Perwarisan ilmu pengetahuan Islam yang sahih mesti menjadi *thesis* asasi pengkarya yang berjiwa Islam. Sebaliknya, penemuan baru dalam konteks acuan Barat atau memperibumikan ilmu pengetahuan Islam tidak menjamin kesahihan ilmu pengetahuan Islam yang diwarisi dari generasi ke generasi yang lain. Ini merupakan satu keaipan kepada keagongan kecendekiawanan Islam. Terkandung dalam mesej proses memperibumikan karya ialah perluasan paradigma perbincangan yang akhirnya berkemungkinan membawa kepada kehancuran kemurnian agama Islam. Ini tidak bermaksud memperibumikan karya seperti pendapat Shahrir suatu perkara yang tidak wajar tetapi ia merupakan satu persepsi yang longgar mengenai proses kecendekiawanan atau penulisan Islam.

Perbezaan penulisan pengajian Islam dengan bukan pengajian Islam



Penulisan bukan pengajian Islam dikembangkan penemuan selepas penemuan;



Cendekiawan Islam semasa tersepit di antara keakuran terhadap pintu ijtihad yang tertutup, iaitu menjaga kemurnian pewarisan ilmu pengetahuan Islam dan mengembangkan ilmu pengetahuan Islam ke teritori disiplin yang lain, bahasa dan budaya peribumi seperti yang dituntut dalam teori memperibumikan karya. Terdapat dua tren penulisan Islam semasa. Tren pendidikan Timur Tengah menekankan aspek *authenticity* atau ketulenan ilmu pengetahuan Islam. Dengan makna yang lain, IPT Timur Tengah menekankan kesahihan ilmu pengetahuan diwarisi secara turun temurun tanpa melihat dan mengambil kira perubahan falsafah dan teori ilmu yang lain seperti dikembangkan di Barat. Sementara itu, aliran pendidikan Barat tentang pendidikan Islam melihat atau menganalisa sesuatu kajian ilmu pengetahuan mengikut peredaran falsafah dan teori disiplin lain seperti yang dikembangkan oleh cendekiawan Barat. Dengan kata lain, Timur Tengah menekankan *jawhar* atau intipati manakala Barat menekankan struktur luaran. Barat menentang konsep penemuan baru dalam bidang penulisan sementara Timur Tengah menekankan kesahihan pewarisan sesuatu ilmu pengetahuan.

Kedua-dua aliran mempunyai kelebihan dan kekurangan masing-masing. Kelebihan pada gaya penulisan Islam ialah sesuatu falsafah dan teori ilmu pengetahuan Islam tersebut terpelihara dari satu generasi kepada satu generasi yang berikutnya sesuai dengan tuntutan atau kesucian roh Islam. Kekurangannya ialah sesuatu disiplin Islam tersebut tidak dapat dimasyarakatkan kepada pemabaca budaya yang berbeza daripada budaya bahasa sumber iaitu penutur bahasa Arab dan Islam. Pembaca budaya lain umpamanya masyarakat intelektual Melayu yang bukan beraliran Arab mendapati kesukaran untuk mengappresiasi sesuatu ilmu pengetahuan Islam.


Kelebihan pada aliran kedua ialah ia dapat memasyarakatkan sesuatu ilmu pengetahuan Islam kepada pembaca yang berorientasi pendidikan bukan Islam. Masyarakat pembaca dapat menimba maklumat ilmu pengetahuan mengikut acuan yang dominan yang mudah difahami ramai. Kekurangannya ialah jika tidak ada suatu persepindahan yang jelas dari sudut falsafah, teori dan aplikasi, penulisan seumpama ini akan membawa pembaca jauh daripada roh atau semangat Islam yang sebenarnya. Kedua-dua tren penulisan ini iaitu pertama mengembangkan ilmu Islam dalam paradigma kebenaran dan ketulenan Islam dan kedua berasaskan kepada konsep penemuan Barat yang tidak terikat dengan kebenaran dan ketulenan Islam perlu ada dan dikekalkan. Pengecilan terhadap satu tren penulisan seperti yang tersirat dalam konsep memperimubikan karya Shahrir akan menghancurkan jati diri Islam. Persoalan penting dalam bidang penulisan Islam ialah menterkinikan kajian di samping memelihara ketulenan roh Islam.

Menterkinikan kajian dan menjaga ketulenan roh Islam menuntut satu pendekatan penulisan ilmiah yang terbaik, iaitu dengan menjaga kedua-dua aliran tersebut di atas. Dengan bahasa yang lebih mudah, ia perlu menjaga *authenticity* dan dalam masa yang sama memelihara konsep penemuan baru. Dalam menjaga *authenticity*, seseorang penulis tidak boleh membiarkan emosi dan kecenderungan menguasai penulisannya lantaran terikat dengan pentakrifan penemuan baru. Dalam masa yang sama, tradisi penulisan semasa perlu diambil kira iaitu dari sudut sesuatu penulisan ilmiah Islam dapati dihargai oleh pembaca yang bukan terdiri daripada orientasi pendidikan Islam. Untuk mencapai objektif ini, penulis perlu menyingkap penulisan semasa untuk mengenal pasti di manakah titik permulaan penulisan yang wajar dimulakan bukan bertolak daripada penemuan yang lama. Falsafah di sebalik penemuan baru ialah memahami pembaca dalam konteks perkembangan ilmu pengetahuan, perubahan sosial, ekonomi dan politik semasa. Jika perkara ini tidak dititikberatkan, ia akan berlaku pengulangan walaupun dengan menggunakan nada dan irama yang berbeza. Penulisan tersebut dianggap sebagai sesuatu yang *rigid*.

Menyingkap sejarah cendekiawan Islam zaman keagungan Islam proses penemuan baru berlaku dari suatu generasi kepada generasi yang lain. Daripada penghafalan dan pengriwayatan hadis kepada pembukuan dan pengsahihan hadis. Ini sudah menggambarkan satu proses penemuan dalam penulisan. Dari perspektif yang lain, sejarah interaksi ilmu pengetahuan Islam dengan disiplin lain telah berlaku dan berakhir dengan penulisan dan pengkajian semula ilmu pengetahuan Islam. Ini tidak bermakna membatalkan ilmu pengetahuan yang sedia ada tetapi ia bertujuan memurnikan sesuatu disiplin Islam tersebut mengikut konteks peredaran dan perubahan budaya.

Oleh kerana pengajian Islam dikategorikan di bawah pengajian sains sosial, penemuan baru tidak jauh bezanya dengan penemuan dalam bidang sains sosial yang lain kecuali pada satu aspek yang dibincangkan di atas. Dengan kata lain, apa yang membezakannya dengan disiplin yang lain ialah dua prinsip agama Islam iaitu akidah dan tauhid. Penemuan baru seperti dalam konsep penulisan Barat dalam disiplin pengajian Islam dapat dianggap kurang praktikal. Pada masa prinsip akidah dan tauhid menjadi paradigma penemuan baru kajian ilmiah Islam, prinsip akal, kecenderungan dan moral menjadi parameter kepada kegiatan menulis bukan Islam.

Prinsip akidah menghalang sesuatu *thesis* yang berbentuk menyekutukan Allah atau yang melanggar prinsip akidah yang lain daripada dibincangkan. Tidak seperti agama lain, Islam menitikberatkan persoalan akidah tapi dalam masa yang sama berlaku perselisihan faham tentang pentafsiran akidah antara *khalaf* dan *salaf*. Perselisihan fahaman ini bukan pada intipati *fundamental* tetapi pada memahami atau menanggapi intipati *fundamental* akidah tersebut. Desakan *khalaf* supaya membahaskan perbezaan ketuhanan Allah daripada segala tuhan berhala dan sebagainya ada signifikannya kerana umat Islam yang hidup di zaman *khalaf* mempunyai tren pemikiran yang berbeza. Tren pemikiran yang berbeza ini antaranya disebabkan oleh pengaruh pemikiran asing. Pada zaman Abbasi, falsafah Yunani yang menggunakan logik meresap dalam arena keintelektualan Arab. Akibatnya konsep ketuhanan yang dibawa oleh *salaf* diragui dapat menyampaikan mesejnya, lalu para ulama *muktazilah* bertungkus lumus membahaskan persoalan akidah ini melalui ilmu logik. Pada dasarnya tidak ada sesuatupun percanggahan antara dua aliran ini tetapi faktor masa, perubahan pemikiran dan budaya setempat mendesak peningkatan sesuatu kajian ilmu pengetahuan.




Mengapa persoalan ‘memperibumikan’ karya seperti yang diutarakan oleh Shahrir kurang praktikal ialah terdapat bentuk penulisan Islam yang bersikap *defensive* dan *offensive* kerana penulisan Islam bukan sahaja ditulis oleh orang Islam tetapi juga oleh bukan Islam yang mempunyai pelbagai matlamat. Di samping itu juga, tidak semua kritikan dalam penulisan Islam yang boleh diperibumikan dengan menggunakan istilah-istilah bahasa nasional. Umpamanya dalam bidang sastera Islam, beberapa istilah seperti *adab*, *syumuliah*, *alamiyyah* dan sebagainya tidak boleh dinasionalkan kerana ia membawa konotasi yang berbeza. Tradisi penulisan Baratpun mengekalkan beberapa istilah Islam tertentu untuk menjaga ketepatan maksud dan nilai kritikan. Oleh yang demikian, konsep ‘memperibumikan’ karya perlu dikaji semula, bukan perkataan ‘memperibumikan’ ditolak tetapi pengujahannya tidak begitu sesuai dipadankan dengan keseluruhan disiplin pengajian Islam.

PERBEZAAN BAHAN KAJIAN (PERKARA) DENGAN TOPIK KAJIAN

Perbincangan di bawah ini sebagai lanjutan kepada keadaan bersendirian pengajian Islam dalam perbincangan tentang memperibumikan karya Islam, dengan maksud di sini usaha mencapai penemuan baru sesuai dengan tuntutan pembaca. Disiplin pengajian Islam telah disalah tanggap sebagai tidak boleh dikembangkan atau dicapai penemuan barunya disebabkan kesamaran dan kekeliruan tentang dua perkara asasi pra penulisan iaitu bahan kajian (perkara) dan topik kajian. Fenomena ini disebabkan tabie pengajian Islam yang pada asasnya berlandaskan kajian literatur. Dalam sains sosial yang lain, bahan kajian tidak semestinya berbentuk bahan pembacaan atau literatur. Malah ia melibatkan pelbagai perkara seperti mobiliti sosial, pendidikan, ekonomi, ploitik dan sebagainya. Oleh yang demikian, kemungkinan berlaku kekeliruan untuk membezakan antara bahan kajian dengan topik kajian adalah tipis. Sebagai contoh, riwayat hidup Nabi Muhammad (saw.) boleh menjadi bahan kajian dan juga topik kajian tetapi melalui proses tertentu. Begitu juga, puisi Arab boleh menjadi bahan kajian dan juga topik kajian.

Proses pra penulisan




Topik kajian mencerminkan perbezaan pandangan seseorang penulis mengenai sesuatu perkara (bahan kajian). Seperti dalam gambar rajah di atas bahan kajian atau perkara boleh ditentukan dari awal tetapi topik kajian perlu melalui beberapa tahap yang tertentu, kajian bacaan atau literatur, mencari *thesis*, membataskan dan seterusnya menentukan tajuk. Kembali kepada contoh sebelum ini, Ibn Khaldun telah membaca beberapa tulisan sejarah seperti karya al-Tabari, Ibn al-Kalbi, al-Waqidi, al-Asadi, al-Mas`udi dan lain dalam usaha mendapat tajuk kajian. Sebelum menjumpai sesuatu tajuk kajian, beliau melalui proses yang sama dibincangkan di atas, iaitu selain membuat kajian literatur, beliau merumuskan persoalan (*thesis*), membataskan skop perbincangan dan menentukan topik kajian. Jika proses tersebut tidak dipatuhi, kemungkinan menghasilkan penulisan yang sama dengan nada berlainan, *tahsil al-hasil* tidak dapat dielakkan.

Terdapat beberapa prinsip dalam pengajian Islam yang membolehkan proses menganjak tajuk supaya berbeza dengan bahan kajian, iaitu dua prinsip perlembagaan penting iaitu *thabat* dan *murunah* seperti yang

terkandung dalam al-Quran dan al-Hadith. Di samping itu, terdapat teori-teori fekah seperti *istihsan*, *sadd zhara`I*, *maslahah ammah* dan seumpamanya membolehkan bahan kajian dikembangkan menjadi topik kajian tetapi setelah melalui proses pra penulisan seperti yang dibincangkan di atas. Keanjalan dan ketetapan ini berkait langsung dengan disiplin fekah dan ekonomi Islam. Namun demikian, keanjalan dan ketetapan juga terdapat dalam sub-sub disiplin pengajian Islam yang lain seperti sastera, tamadun dan dakwah yang dibataskan dengan roh keislaman. Al-Hamash (1987) menjelaskan kesusasteraan Islam sebagai karya menyentuh aspek kehidupan yang realistik, tidak semestinya membincangkan persoalan agama secara langsung. Penulis lain pula memberi pentakrifan yang berbeza tetapi memelihara roh keislaman umpamanya, Al-'Uwayshaq (tth;74-75) berpendapat karya Islam merupakan cermin kepada persoalan masyarakat serta penyelesaian terhadap pelbagai isu sosial.

PENULISAN 'TIMBAL BALIK', ATASI PERSOALAN STATIK

Bentuk penulisan yang akan diperkatakan secara ringkas di bawah ini juga mampu mengatasi persoalan kekeliruan antara bahan kajian dan topik kajian supaya proses penulisan *tahsil al-hasil* dapat dielakkan. Yang dimaksudkan penulisan timbal balik di sini ialah sama ada penulis menilai sesuatu perkara yang lepas tetapi dalam acuan pemikiran semasa atau menilai perkara yang semasa berdasarkan acuan yang lepas. Untuk lebih jelas, gambar rajah di bawah mungkin dapat menghuraikan persoalan ini;



Dalam menghasilkan satu penulisan yang mempunyai penemuan baru, seseorang penulis perlu bertolak daripada *thesis*, iaitu persoalan kajian dengan membuat pembacaan yang lepas *selective* dan *representative*. *Selective* ialah sikap penulis perlu memilih bahan-bahan bacaan yang berkait dengan apa yang hendak dikaji dan *representative* ialah ciri bahan bacaan yang mewakili sesuatu aliran pemikiran dan mempunyai ciri-ciri akademik sebagai bahan rujukan. Perbincangan yang menghurai *thesis* atau pendapat penulis mengenai sesuatu perkara ialah merupakan penemuan baru.

PENUTUP

Penemuan baru dalam konteks pengajian Islam tidak seharusnya mempunyai persamaan dengan bidang sains sosial yang lain. Pengajian Islam mempunyai paradigma sendiri yang mengidentifikasi dan mempengaruhi hasil penemuan baru. Hanya penulisan yang sistematik seperti disentuh di atas dapat membezakan sama ada sesuatu penulisan tersebut merupakan penemuan baru atau ia mengungkapkan perkara atau persoalan lama dengan nada yang berbeza.

RUJUKAN

1. al-Hamash, `Adab Mahmud.1987.*al-Si`r fi al-Islam*.Riyadh:Dar al-Amani.
2. *Muqaddimah Ibn Khaldun*.tth.Iskandariyyah:Dar Ibn Khaldun
3. Said, E.W.1995.*Orientalism;Western Conceptions of the Orient*.London:Penguin Books
4. Shahriri Mohamad Zain.2001.Penerokaan Judul Asli dan Peribumi dalam Karya Pengajian Islam di Malaysia.*Islamiyyat*22:37-44.
5. Stetkevych,J.1993.*The Zephyrs of Najd;The Poetics of Nostalgia in the Classical Arabic Nasib*.Chicago:The University of Chicago Press.
6. al-Uwayshaq, Abdullah Hamad.tth.*al-Adab fi khidmah al-hayah wa 'l-aqidah*.ttp:tpt.